

**KENYATAAN MEDIA****4,000 ANGGOTA SWM ENVIRONMENT BERTUGAS  
SEMPENA TAHUN BAHARU CINA**

---

**KULAI, 15 JANUARI** – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) dengan kekuatan seramai 4,000 orang anggota kerja perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh sambutan perayaan Tahun Baharu Cina yang bakal disambut tidak lama lagi.

Pengurus Besar Korporat, Tuan Haji Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, tumpuan khusus diberikan kepada perkhidmatan kutipan sisa pukal, sisa kebun dan barangan kitar semula bagi memenuhi keperluan masyarakat Cina yang sedang melaksanakan pembersihan dan persediaan di kediaman masing-masing menjelang perayaan tersebut. Orang ramai dinasihatkan untuk menempatkan sisa-sisa tersebut di tepi tong sampah beroda (TSB) atau di rumah sampah berpusat mengikut **Jadual Kutipan 2+1** yang boleh dirujuk melalui laman sesawang SWM Environment.

Sempena sambutan Tahun Baharu Cina, SWM Environment turut menggalakkan agar orang ramai menerapkan amalan sifar sisa dengan mempraktikkan Kempen Hargai Makanan, Kurangkan Pembaziran di samping melaksanakan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca. Sisa yang telah dikenal pasti boleh dikitar semula boleh dihantar ke lokasi sangkar KITAREcycle terpilih atau dengan menghantar terus ke Pejabat Korporat SWM Environment Bandar Dato' Onn dan Sireh Park, Iskandar Puteri.

SWM Environment memohon kerjasama orang ramai untuk menguruskan sisa perayaan seperti mercun dan pelitup muka secara berhemah bagi memastikan keselamatan pekerja di lapangan terjamin. Penduduk di kawasan perumahan juga diingatkan untuk tidak meletakkan sebarang halangan seperti kenderaan di sepanjang laluan atau berhampiran tong sampah bagi melancarkan perkhidmatan kutipan sisa sepanjang tempoh tersebut.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkhidmatan SWM Environment, orang ramai boleh menghubungi terus talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472 atau melalui aplikasi WhatsApp di nombor 012-618 0082.

**TAMAT**



**MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Cik Livingwater a/p Ponnusamy**

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Selatan)

Tel : 07 – 335 6000 / 016 – 783 6759

E-mel : [livingwater.ponnusamy@swmsb.com](mailto:livingwater.ponnusamy@swmsb.com)